



KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BHD

# LAPORAN TAHUNAN 2020

---

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE-25  
30 JULAI 2021

# STRUKTUR ORGANISASI KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BHD 2020/2021





**KOPERASI KAKITANGAN**  
**LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN KELUARGA MALAYSIA**  
**TINGKAT 9, BANGUNAN LPPKN, JALAN RAJA LAUT,**  
**KUALA LUMPUR.**  
**TEL/FAX NO : 03-26928661,03-26137555 Ext 3900**

---

Rujukan Kami: Bil (25)  
KKLPPKN/MP/1

16 Julai 2021

**Anggota Anggota Koperasi Yang Dihormati,**


**Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad**

Adalah dengan hormatnya saya bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi mengemukakan Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad bagi Tahun Kewangan 2020 bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2020 untuk makluman dan perhatian tuan / puan.

Saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas sokongan dan kerjasama tuan / puan kepada Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad sehingga kini.

Sekian, terima kasih.

Yang Menjalankan Tugas



**(MOHD AZMY JAKOMAR)**  
Setiausaha Kehormat  
Koperasi Kakitangan LPPKN (M) BHD.

# KANDUNGAN

| Bil | Perkara                                                                                                                      | Muka Surat              |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------|
| 1.  | Perutusan Pengerusi                                                                                                          | 1 - 2                   |
| 2.  | Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 25                                                                                 | 3                       |
| 3.  | Maklumat Koperasi                                                                                                            | 4                       |
| 4.  | Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 24                                                                                  | 5 - 15                  |
| 5.  | Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M)<br>Berhad Bagi Tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2020.<br>-Laporan Biro-Biro | 16-20<br><br>Lampiran 1 |
| 6.  | Laporan Jawatankuasa Audit Dalam Bagai Tahun Kewangan Berakhir<br>31 Disember 2020.                                          | Lampiran 2              |
| 7   | Membentangkan Usul-Usul Untuk Dibahaskan                                                                                     | Lampiran 3              |
| 8.  | Laporan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir<br>31 Disember 2020 Yang Telah Di Audit.                                        | Lampiran 4              |
| 9.  | Penyata Anggaran 2021/2022                                                                                                   | Lampiran 5              |

# ***PERUTUSAN PENGERUSI***

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabaraktuh dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu marilah kita memanjat kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana berkat dan izinNya dapat kita berkumpul sekali lagi dan mengadakan Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Bhd.

Bagi pihak Anggota Lembaga Koperasi, saya mengalu-alukan para perwakilan ke Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke-25. Sebagai perwakilan kawasan masing-masing, tuan/puan diberi peluang untuk bukan sahaja mengemukakan komen dan kritikan mengenai perjalanan Koperasi tetapi juga diberi peluang untuk menyumbang idea-idea baharu dan bernas yang boleh memajukan lagi Koperasi kita. Dalam setiap mesyuarat mungkin akan terdapat percanggahan pendapat dan kritikan yang menyinggung perasaan. Seperti yang kita semua maklum, cabaran besar mengharungi pandemik COVID-19 akan terus memberi impak kepada kita semua dan Koperasi khususnya. Namun begitu, kita tidak boleh putus asa dan terus mengamalkan budaya norma baharu dalam pentadbiran dan perniagaan kita.

Seperti yang diamanahkan, Anggota Lembaga Koperasi telah cuba mempelbagaikan usaha untuk memajukan Koperasi kita. Koperasi masih berteraskan tiga objektif strategi bagi memajukan Koperasi kita iaitu Meningkatkan Sistem Penyampaian, Diversifikasi Perniagaan, dan Prestasi Kewangan yang Mampan masih diteruskan. Sistem pengurusan perniagaan dan kewangan telah ditambahbaik dengan mengaplikasikan sistem teknologi maklumat bagi tadbir urus yang lebih dinamik dan cekap bagi manfaat kepada semua ahli Koperasi. Pada tahun 2020 juga, kami memberikan lebih tumpuan kepada mempergiatkan lagi aktiviti pelaburan sama ada pelaburan jangka pendek mahupun pelaburan jangka panjang.

Nilai bersih aset Koperasi masih melebihi RM11.9 Juta pada akhir tahun 2020 dan angka ini dilihat sedikit meningkat dari tahun sebelumnya. Dalam tahun 2020 juga, Koperasi telah memperoleh pendapatan sebanyak RM1,036,910.00 berbanding RM863,484.00 pada tahun 2019 atas penjualan aset koperasi. Manakala koperasi dapat mengoptimum perbelanjaan pada tahun 2020 iaitu sebanyak RM80,474.00 berbanding perbelanjaan 2019 iaitu RM86,204.00. Atas dasar pendapatan meningkat dan perbelanjaan yang

efisien, maka keuntungan koperasi pada tahun 2020 meningkat daripada RM 391,453.00 pada tahun 2019 kepada RM523,677.00 pada tahun 2020 (kenaikan sebanyak 34%). Peningkatan keuntungan ini disumbang oleh penjualan aset yang mampan dan pertambahan keuntungan yang baik dalam aktiviti pelaburan, di samping aktiviti aktiviti perolehan perniagaan.

Sebelum mengakhiri kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Anggota Lembaga Koperasi dan kakitangan yang telah bertungkus-lumus untuk mempertingkatkan prestasi Koperasi ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Audit Dalam yang telah memberi pandangan dan nasihat mereka bagi melancarkan lagi urusan koperasi. Ucapan terima kasih dipanjangkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang telah banyak memberi nasihat, cadangan serta pandangan dan pengurusan dan pentadbiran Koperasi. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada ahli Koperasi dan Pengurusan LPPKN yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama dalam memajukan Koperasi.

Sekian dan selamat maju jaya dan terima kasih.

Salam hormat dari saya



(AHMAD HASHIMI BIN MOHAMMAD)

Pengerusi,

Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

# **NOTIS MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE 25**


Mengikut Undang-Undang Kecil 29(1) dan 29(2) adalah dengan ini diberitahu kepada semua anggota-anggota bahawa Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 25, Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad akan diadakan pada 30 Julai 2021(Jumaat) jam 10.00 pagi secara dalam talian.

## **AGENDA MESYUARAT AGUNG**

1. Melantik Pengerusi sementara mesyuarat
2. Mengesahkan minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 24 yang telah diadakan pada 26 September 2020
3. Memilih Anggota Lembaga Koperasi bagi sesi tahun 2020-2021
4. Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam orang Perwakilan dan empat orang Anggota Lembaga Koperasi termasuk Pengerusi untuk menentusahkan draf minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 25.
5. Menimbang dan Menerima Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad bagi tempoh 01 Januari hingga 31 Disember 2020.
6. Pembentangan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.
7. Menerima Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020 yang teraudit.
8. Meluluskan cadangan pembahagian keuntungan di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi
  - 8.1. Membayar dividen caruman kepada anggota -anggota
  - 8.2. Membayar dividen saham 10% kepada anggota – anggota
  - 8.3. Membayar saguhati Kehormat (Honorarium) kepada Anggota Lembaga Koperasi bagi tahun kewangan 2020.
9. Membenarkan Anggota Lembaga Koperasi Membuat Pelaburan mengikut Undang undang Kecil
  - 9.1 Perkara 34(1)(k) iaitu "menentukan had maksimum keterhutangan koperasi ini". Anggaran jumlah maksimum sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja)
  - 9.2 Perkara 34(1)(i) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan Koperasi dengan anggaran maksimum RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja)
10. Membentang Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi sesi tahun 2021 – 2022
11. Meluluskan perlantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua firma audit untuk mengaudit akaun-akaun Koperasi.
12. Membentang Usul (Jika ada)
13. Meminda Undang-Undang Kecil Koperasi (Pindaan 2010) (Jika ada)
14. Hal-hal Lain.
15. Ulasan daripada wakil Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

Sekian, terima kasih

Yang Menjalankan Tugas,

  
(MOHD AZMY JAKOMAR)

Setiausaha Kehormat

Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

---

## MAKLUMAT KOPERASI

---

### A. ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI 2020 - 2021

- |                                           |              |
|-------------------------------------------|--------------|
| 1. En. Ahmad Hashimi bin Mohammad         | > Pengerusi  |
| 2. En. Mohd Azmy bin Jakomar              | > Setiausaha |
| 3. Pn. Sarida binti Hj Saleh              | > Bendahari  |
| 4. Pn. Rinawati binti Mohamed Nawawi      | > Ahli       |
| 5. Pn. Nor Ashikin binti Saad             | > Ahli       |
| 6. En. Syed Izman bin Syed Aziz Al Khadri | > Ahli       |
| 7. En. Norhamizan bin Hashim              | > Ahli       |
| 8. En. Mohd Firdaus bin Mazalan           | > Ahli       |
| 9. En. Salehuddin bin Ismail              | > Ahli       |

### B. Juruaudit Dalam

1. Pn. Nor Aziah binti Mohamed Mahayuddin
2. Pn. Noor Hafiza binti Ibrahim

### C. Pengurusan Koperasi

- |                                                   |                |
|---------------------------------------------------|----------------|
| 1. Pn. Rahani bt. Mat Ail                         | > Pengurus     |
| 2. Pn. Nadira bt Mohd Zameil-Bermula 6 Julai 2020 | > Kerani Akaun |
| 3. Cik. Azfarinaz binti Amran                     | > Kerani Akaun |
| 4. En. Norhelmi bin Mohamad Jadi                  | > Kerani       |

### D. Pejabat Berdaftar

Tingkat 9, Bangunan LPPKN  
No: 12 B Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur

### E. No. Telefon/Fax : 03-26928661, 03-26137555 samb. 3900

Laman Sesawang: <http://www.kooplppkn.webs.com>  
Email: [koperasilppkn@gmail.com](mailto:koperasilppkn@gmail.com)

### F. Juruaudit Luar

Saifuddin & Co. (AF 1451)  
13A-7, Level 13A Menara Sentral Vista  
150, Jalan Sultan Abdul Samad  
50470 Kuala Lumpur

### G. Bank: Maybank Cawangan Wisma Sime Darby, Jalan Raja Laut, K. Lumpur

Bank Rakyat Cawangan Jalan Ipoh, Kuala Lumpur



Minit  
Mesyuarat Agung  
Perwakilan  
Kali  
Ke 24

**MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN  
KALI KE -24  
KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BHD**

**TARIKH : 26 SEPTEMBER 2020**

**MASA : 9.00 PAGI**

**TEMPAT : AUDITORIUM ARAS 13, BANGUNAN LPPKN  
JALAN RAJA LAUT, KUALA LUMPUR**

**JUMLAH : 37 ORANG (SENARAI DILAMPIRKAN)**

**1. PELANTIKAN PENERUS MESYUARAT**

- 1.1 Encik Mohd Zulkefli bin Rusli (No. Anggota 1963) telah mencadangkan Encik Sallehuddin bin Ismail (No. Anggota 1686) sebagai Penerus Mesyuarat.
- 1.2 Anggota perwakilan bersetuju agar Encik Sallehuddin bin Ismail (No. Anggota 1686) dilantik sebagai penerus sementara Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke 24 Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Sdn. Bhd.
- 1.3 Encik Sallehuddin bin Ismail (No. Anggota 1686) mengucapkan terima kasih kepada perwakilan di atas kepercayaan yang diberikan kepada beliau untuk menguruskan mesyuarat.
- 1.4 Penerus mesyuarat memohon agar semua perwakilan memastikan telah memperolehi kit mesyuarat yang telah diedarkan.

**2. MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KALI KE 23 TAHUN BERTARIKH 27 JUN 2019**

- 2.1 Encik Sallehuddin bin Ismail (No. Anggota 1686) selaku Penerus mesyuarat telah membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali ke 23 Tahun 2019 dari mukasurat 5 hingga muka surat 22 untuk disahkan oleh anggota mesyuarat.
- 2.2 Encik Mohd. Zulkefli bin Rusli (No. Anggota 1963) mencadangkan agar minit tersebut disahkan dan disokong oleh Puan Selamah binti Yassim (No. Anggota 1224).

### 3. PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI SESI 2019/2020

3.1 Terdapat tiga (3) kekosongan jawatan Ahli Lembaga Pengarah kerana penyandang sedia ada telah tamat tempoh. Seramai enam (6) pencalonan diterima bagi pemilihan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) Sesi 2020/2021.

3.2 Enam (6) orang calon bersetuju untuk bertanding dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Encik Nor Hamizan bin Hashim (No. Anggota 1678) selaku urus setia mengumumkan keputusan bagi enam (6) perwakilan yang dicalonkan bersetuju untuk bertanding adalah seperti berikut: -

| Bil | Nama Calon                                 | No. Anggota | Jumlah Undi |
|-----|--------------------------------------------|-------------|-------------|
| 1   | <b>*Encik Ahmad Hashimi bin Mohammad</b>   | <b>1372</b> | <b>30</b>   |
| 2   | <b>*Puan Rinawati binti Mohamed Nawawi</b> | <b>1232</b> | <b>31</b>   |
| 3   | Puan Norhaslindah binti Hassim             | 1808        | 10          |
| 4   | <b>*Encik Sallehuddin bin Ismail</b>       | <b>1686</b> | <b>23</b>   |
| 5   | Encik Abd Qayyum bin Abd Jalil             | 1969        | 8           |
| 6.  | Encik Mohamad Nazri bin Mohamed <u>Nor</u> | 1903        | 6           |

\* Calon yang berjaya

### 4. MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARI ENAM (6) ORANG PERWAKILAN DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI TERMASUK Pengerusi untuk Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 24.

4.1 Seramai enam (6) orang perwakilan yang telah dilantik oleh mesyuarat adalah seperti berikut: -

| Bil | Nama                                   | No. Anggota |
|-----|----------------------------------------|-------------|
| 1   | Encik Ahmad Rasyidee bin Abdul Razak   | 1938        |
| 2   | Encik Ammar Izdiyar bin Zainuddin      | 1944        |
| 3   | Encik Abd Qayyum bin Abd Jalil         | 1969        |
| 4   | Puan Mastura binti Rahim               | 1599        |
| 5   | Encik Muhammad Azahari bin Harun       | 1504        |
| 6   | Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayudin | 1644        |

**5. MENIMBANG DAN MENERIMA LAPORAN TAHUNAN KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD BAGI TEMPOH 1 JANUARI HINGGA 31 DISEMBER 2019.**

5.1 Encik Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) selaku Setiausaha telah membentangkan Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad bagi tempoh 1 Januari – 31 Disember 2019.

5.2 Encik Mohd. Badri bin Alias (No. Anggota 1877) mencadangkan agar Laporan Tahunan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2019 diterima dan disokong oleh Encik Zahied bin Md. Rus (No. Anggota 1399).

**6. PEMBENTANGAN LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

6.1 Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayudin (No. Anggota 1644) selaku wakil Ketua Juruaudit Dalaman telah membentangkan laporan Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2019 dari muka surat 1 sehingga muka surat 2.

**7. MENERIMA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019 YANG DIAUDIT**

7.1 Cik Nor'ashikin binti Abdullah (No. Anggota 1234) telah membentangkan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 yang telah diaudit oleh A. Razak & Co seperti di Lampiran 1-3 dari muka surat 1-26.

7.2 Encik Ammar Izdiyar bin Zainuddin (No. Anggota 1944) telah mencadangkan agar penyata kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2019 diterima dan disokong oleh Puan Mariam binti Abu (No. Anggota 761).

**8. MELULUSKAN CADANGAN PEMBAHAGIAN KEUNTUNGAN DI BAWAH UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI**

8.1 Membayar Dividen Caruman sebanyak 5% untuk tahun kewangan 2019.

8.2 Membayar dividen saham 10% kepada anggota-anggota untuk tahun kewangan 2019.

8.3 Membayar saguhati kehormat (honorarium) kepada anggota lembaga koperasi sebanyak RM13,000.00 bagi Tahun Kewangan 2019.

8.4 Puan Siti Maslina binti Samian (No. Ahli 1790) telah mencadangkan agar ketiga-tiga perkara tersebut dipertimbangkan bergantung kepada keupayaan kewangan koperasi dan disokong oleh Encik Mohd. Zulkefli bin Rusli (No. Anggota 1963).

## **9. MEMBENARKAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI MEMBUAT PELABURAN MENGIKUT UNDANG-UNDANG KECIL**

9.1 Perkara 34(1)(k) iaitu "menentukan had maksimum keterhutangan Koperasi ini". Anggaran jumlah maksimum sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja).

9.2 Perkara 34(1)(i) iaitu "menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan Koperasi" dengan jumlah anggaran maksimum sebanyak RM10,000,000.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Juta Sahaja).

9.3 Encik Mohd Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) menerangkan bahawa kebenaran daripada Mesyuarat Agung perwakilan ini adalah penting dan ianya akan menjadi mandat kepada Koperasi untuk membuat pelaburan mengikut had yang dibenarkan.

9.4 Sehingga kini Koperasi telah membuat pinjaman dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebanyak RM4,000,000.00 (Ringgit Malaysia Empat Juta Sahaja) dan permohonan kepada Bank Kerjasama Rakyat untuk pembelian satu unit kondominium di Sungai Buloh sebanyak RM500,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ratus Ribu Sahaja).

9.5 Puan Nor Aziah binti Mohamed Mahayudin (No. ahli 1644) mencadangkan agar membenarkan anggota Lembaga Koperasi membuat pelaburan mengikut Undang-Undang Kecil dan disokong oleh Encik Ahmad Faizul b. Mohd. Noor (No. Ahli 1082).

## **10. PEMBENTANGAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI SESI TAHUN 2019-2020**

10.1 Cik Nor'ashikin binti Abdullah (No. Ahli 1234) telah membentangkan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi sesi Tahun 2020-2021.

10.2 Cik Marina binti Mohamad Awal (No. Ahli 1700) telah mencadangkan pembentangan anggaran pendapatan dan perbelanjaan bagi sesi tahun 2020-2021 diterima dan disokong oleh Encik Mohd. Badri bin Alias (No. Ahli 1877)

## **11. MELULUSKAN PERLANTIKAN SATU PANEL YANG TERDIRI DARIPADA TIDAK KURANG DARIPADA DUA (2) FIRMA AUDIT UNTUK MENGAUDIT AKAUN-AKAUN KOPERASI**

11.1 Encik Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) memohon perwakilan agar memberikan kebenaran kepada ALK untuk melantik dan memilih firma audit yang bertauliah (dengan harga tawaran yang berpatutan selain dari pengalaman yang cekap) bagi mengaudit akaun-akaun Koperasi.

- 11.2 Semua perwakilan bersetuju secara sebulat suara bagi pelantikan mana-mana firma audit yang difikirkan sesuai oleh pihak Koperasi.

## 12. MEMBENTANG USUL (JIKA ADA)

Sebanyak tiga belas (13) usul telah diterima untuk dibahaskan seperti berikut: -

| BIL | NEGERI    | USUL                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | USUL DITERIMA | USUL DITOLAK                        | CATATAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|-----|-----------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|-------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | TERENGANU | <p>1. Dividen dinaikkan kepada 6.5%</p> <p><b>Pencadang: Wan Najihah W. Daud</b><br/><b>Penyokong: Siti Zaleha Musa</b></p> <p>2. Hadiah/Saguhati mesyuarat kawasan digantikan dengan duit</p> <p><b>Pencadang: Rohani Jusoh</b><br/><b>Penyokong: Syahrul Ridzuan Md Shaim</b></p> <p>3. Mesyuarat diadakan awal tahun supaya tidak mengganggu perancangan tugas hakiki negeri</p> <p><b>Pencadang: Syahrul Ridzuan Md Shaim</b><br/><b>Penyokong: Rohani Jusoh</b></p> <p>4. Elaun kehadiran mesyuarat kawasan juga diberi untuk tahun ini.</p> <p><b>Pencadang: Syahrul Ridzuan Md Shaim</b><br/><b>Penyokong: Mohd Zulkefli Rusli</b></p> |               | <p>/</p> <p>/</p> <p>/</p> <p>/</p> | <p>Tertakluk pada kemampuan kewangan dan keuntungan Koperasi.</p> <p>Hadiah/saguhati diberikan kepada semua anggota Koperasi yang hadir atau tidak mesyuarat kawasan manakala tunai diberikan untuk elaun kehadiran mesyuarat.</p> <p>Tertakluk kepada penutupan akaun Koperasi berakhir 31 Disember setiap tahun. Sekiranya mesyuarat awal dilaksanakan dikhuatiri Penyata Kewangan masih belum di Audit oleh Audit Dalam dan Luar yang dilantik</p> <p>Tiada Mesyuarat Kawasan diadakan akibat Pandemik Covid-19. Elaun diberikan sekiranya mesyuarat diadakan dan kepada mereka yang hadir sahaja.</p> |

| BIL | NEGERI | USUL                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | USUL<br>DITERIMA | USUL<br>DITOLAK            | CATATAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    |
|-----|--------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|----------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 2   | PAHANG | <p>1. Mohon elaun mesyuarat sebanyak RM 50.00 dibayar kepada ahli koperasi walaupun tiada mesyuarat kerana Pandemik Covid-19. Anggaplah sebagai sumbangan kepada ahli koperasi yang masih setia bersama sehingga hingga hujung nyawa (<b>Bayaran dibuat sebagai penggantian mesyuarat online</b>)</p> <p><b>Pencadang: Mazlina Abd Hamid</b><br/><b>Penyokong: Asmad Zakarni</b></p> <p>2. Walaupun tiada mesyuarat kawasan dijalankan seperti biasa disebabkan Pendemik Covid-19 adakah elaun kehadiran akan dibayar@digandakan bayaran pada mesyuarat agung kawasan pada tahun hadapan?</p> <p><b>Pencadang: Farwin Nurkausar Ab Ghafor</b><br/><b>Penyokong: Nur Azian Mohd Zain</b></p> <p>3. Mewujudkan satu pinjaman khas kepada ahli yang terkesan dengan Pandemik Covid-19 atau melonggarkan syarat pinjaman kepada ahli tersebut (<b>terutama yang mempunyai ahli keluarga yang ramai</b>)</p> <p><b>Pencadang: Nur Azian Mohd Zain</b><br/><b>Penyokong: Nor Azwani Idris</b></p> |                  | <p>/</p> <p>/</p> <p>/</p> | <p>Tiada Mesyuarat Kawasan diadakan akibat Pandemik Covid-19. Elaun diberikan sekiranya mesyuarat diadakan dan kepada mereka yang hadir sahaja.</p> <p>Tidak dibayar.</p> <p>Pembiayaan sedia ada sudah mencukupi. Moratorium juga telah diberikan kepada anggota walaupun Koperasi tidak tertakluk kepada arahan Bank Negara Malaysia</p> |

| BIL | NEGERI | USUL                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 | USUL<br>DITERIMA | USUL<br>DITOLAK            | CATATAN                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |
|-----|--------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------|----------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
|     |        | <p>4. Turunkan kadar interest pinjaman kepada 4%</p> <p><b>Pencadang: Isa Basir</b><br/><b>Penyokong: Selamah Yasim</b></p> <p>5. Naik kadar dividen pinjaman kepada 6-7%</p> <p><b>Pencadang: Abdul Razak Mohd Ali</b><br/><b>Penyokong: Mohd Nizam Hassan</b></p> <p>6. Mewujudkan mini koperasi yang fokus utamanya kepada peruncitan supaya ahli boleh membeli barang keperluan dengan harga istimewa</p> <p><b>Pencadang: Farwin Nurkausar Ab Ghafor</b><br/><b>Penyokong: Nur Azian Mohd Zain</b></p>          |                  | <p>/</p> <p>/</p> <p>/</p> | <p>Pembiayaan daripada SKM pada kadar 5.0% dan kos operasi lain yang terlibat.</p> <p>Dividen tertakluk kepada kemampuan dan keuntungan Koperasi. Pembiayaan sedia 4-6% dan Koperasi tiada halangan untuk menaikkan kepada 7%.</p> <p>Koperasi fokus kepada cabang perniagaan lain yang lebih memberi pulangan tinggi kepada anggota.</p> |
| 3   | MELAKA | <p>1. Memohon elaun kehadiran mesyuarat Koperasi diberi kepada ahli yang tidak hadir disebabkan perlu menghadiri mesyuarat/program (tugasan rasmi)</p> <p>2. Mohon kepada koperasi untuk memberi makluman awal kepada penjamin jika peminjam gagal membuat bayaran pinjaman, mohon PSM juga memaklumkan kepada koperasi jika ada peminjam yang hendak berhenti kerja dan sebagainya untuk tidak menyusahkan penjamin.</p> <p><b>Pencadang: Shajaratuddur Ahmad</b><br/><b>Penyokong: Norafidatul Asni Zamani</b></p> | /                | /                          | <p>Elaun kepada mereka yang hadir ke mesyuarat sahaja.</p> <p>Koperasi akan membuat permohonan rasmi kepada Bahagian PSM dan sekiranya terdapat maklumat berhubung anggota yang akan menamatkan perkhidmatan akan dimaklumkan kepada penjamin.</p>                                                                                        |



| BIL | NEGERI                   | USUL                                | USUL DITERIMA | USUL DITOLAK | CATATAN                                                           |
|-----|--------------------------|-------------------------------------|---------------|--------------|-------------------------------------------------------------------|
| 4   | ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH | 1. Penambahan Penjualan Modal Saham | /             |              | Notis makluman akan diedarkan selepas Mesyuarat Agung Perwakilan. |

### 13. MEMINDA UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI (PINDAAN 2010) (JIKA ADA)

13.1 Perwakilan sebulat suara dan membenarkan ALK membuat sebarang pindaan mengenai Peraturan – Peraturan Koperasi serta Undang-undang Kecil Koperasi dengan mengemaskini tambahan maklumat dan perkara-perkara yang telah diluluskan sebelum ini.

### 14. HAL-HAL LAIN

14.1 Encik Mohd. Fadzly bin Mohd. Rasyid (No. Ahli 1467) mengajukan pertanyaan berkenaan tempoh caruman dalam koperasi selepas bersara.

14.1.1 Tuan Syed Izman bin Syed Aziz Al Khadri (No. Anggota 1000) menyatakan bahawa anggota boleh menyimpan/ mencarum/ menjadi ahli koperasi walaupun telah bersara.

14.1.2 Ahli koperasi bukan hanya menikmati faedah wang yang dicarumkan malah boleh menikmati faedah-faedah lain yang ditawarkan oleh Koperasi Malaysia.

14.2 Encik Mohd. Badri bin Alias (No. Anggota 1877) mencadangkan agar penambahbaikan kepada syarat peminjam bagi melindungi penjamin.

14.2.1 Encik Mohd. Azmy bin Jakomar (No. Anggota 1494) menyatakan bahawa pihak koperasi sentiasa mencari cadangan terbaik bagi mengatasi masalah yang ditimbulkan.

### 15. PENANGGUHAN MESYUARAT

Pengerusi menangguhkan mesyuarat pada jam 12.30 tengahari dengan ucapan terima kasih kepada perwakilan yang hadir serta memberikan kerjasama dalam melancarkan proses mesyuarat.

Disediakan oleh:

(MOHD AZMY JAKOMAR)

Setrausaha Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad

**SENARAI KEHADIRAN PERWAKILAN UNTUK MESYUARAT AGUNG  
PERWAKILAN 2019 PADA 26 SEPTEMBER 2020**

| NEGERI                | BIL | NAMA PERWAKILAN                         | NO AHLI |
|-----------------------|-----|-----------------------------------------|---------|
| NEGERI SEMBILAN       | 1   | PN. NOREEN BINTI SUJAK                  | 1460    |
|                       | 2   | EN. MOHD SALLEH BIN NORBIB              | 1762    |
| MELAKA                | 3   | EN. MOHD FADZLY BIN MOHD RASHID         | 1467    |
| JOHOR                 | 4   | PN. SITI MASLINA BINTI SAMIAN           | 1790    |
|                       | 5   | PN. MARINA MOHAMAD AWAL                 | 1700    |
| KELANTAN TERENGGANU   | 6   | EN. MOHD HAKIMI HASA SINGH @HASRINE     | 1641    |
|                       | 7   | EN. MOHD ZULKEFLI BIN RUSLI             | 1963    |
| PERLIS                | 8   | PN. ADE YUSNETTA BINTI OTHMAN           | 1308    |
| KEDAH                 | 9   | EN. MOHAMAD AZHAR MD ZABIDI             | 1876    |
| PULAU PINANG          | 10  | PN. MASNI BINTI RAHIM                   | 1677    |
| PAHANG                | 11  | PN. SELAMAH BINTI YASIM                 | 1224    |
| PERAK                 | 12  | PN. RUSLAINI BINTI AHMAD                | 1579    |
|                       | 13  | EN. MOHD BADRI BIN ALIAS                | 1877    |
| W/PERSEKUTUAN         | 14  | PN. MASTURA BINTI RAHIM                 | 1599    |
|                       | 15  | EN. MOHD ARIFFUDDEEN BIN JAMALUDIN      | 1773    |
| SELANGOR              | 16  | EN. AHMAD FAIZUL BIN MOHD NOOR          | 1082    |
| SABAH                 | 17  | EN. AWALUDDIN BIN HJ ADAM (TIDAK HADIR) | 1544    |
| IBU PEJABAT           | 18  | EN. SALLEHUDDIN BIN ISMAIL              | 1686    |
|                       | 19  | EN. MOHAMAD NAZRI BIN MOHAMED NOR       | 1903    |
|                       | 20  | EN. ABD QAYYUM BIN ABD JALIL            | 1969    |
|                       | 21  | PN. NORHASLINDAH BINTI HASSIM           | 1808    |
|                       | 22  | PN. AINI FAZANA BINTI ZAINAL ABIDIN     | 1939    |
|                       | 23  | EN. AMMAR IZDIHAR BIN ZAINUDDIN         | 1944    |
|                       | 24  | EN. AHMAD RASYIDEE BIN ABDUL RAZAK      | 1938    |
|                       | 25  | EN. MUHAMMAD AZAHARI BIN HARUN          | 1504    |
|                       | 26  | EN. MOHAMAD ZAHIED BIN MAT RUS          | 1339    |
|                       | 27  | PN. MARIAM BINTI ABU                    | 0761    |
| JURU AUDIT DALAM      | 28  | PN. NOOR HAFIZA BINTI IBRAHIM           | 1645    |
|                       | 29  | PN. NOR AZIAH BINTI MOHAMED MAHAYUDDIN  | 1644    |
| AHLI LEMBAGA KOPERASI | 30  | EN. AHMAD HASHIMI BIN MOHAMMAD          | 1372    |
|                       | 31  | CIK. NOR' ASHIKIN BINTI ABDULLAH        | 1234    |
|                       | 32  | EN. MOHD AZMY BIN JAKOMAR               | 1494    |
|                       | 33  | EN. MOHD FIRDAUS BIN MAZALAN            | 1213    |
|                       | 34  | PN. NOR ASHIKIN BINTI SAAD              | 1478    |
|                       | 35  | PN. RINAWATI BINTI MOHAMED NAWAWI       | 1232    |
|                       | 36  | EN. NORHAMIZAN BIN HASHIM               | 1678    |
|                       | 37  | PN. SARIDA BINTI HJ SALEH               | 1279    |
|                       | 38  | EN. SYED IZMAN BIN SYED AZIZ AL-KHADRI  | 1000    |

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Kali Ke 24, yang telah diadakan pada 26 September 2020 (Sabtu) jam 9.00 pagi di Dewan Auditorium Tingkat 13 Bangunan LPPKN, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur telah disemak dan ditentukan oleh Jawatankuasa Menentukan Minit pada 02 Julai 2021 Jumaat 2.30 petang secara dalam talian .

| <b>BIL</b> | <b>NAMA</b>                       | <b>NO AHLI</b> |
|------------|-----------------------------------|----------------|
| 1          | Ahmad Hashimi Bin Mohammad        | 1372           |
| 2          | Sarida Hj Saleh                   | 1279           |
| 3          | Mohd Azmy Bin Jakomar             | 1494           |
| 4          | Nor Ashikin Bt Saad               | 1478           |
| 5          | Nor Aziah Binti Mohamed Mahayudin | 1644           |
| 6          | Ahmad Rasyidee Bin Abdul Razak    | 1938           |
| 7          | Muhammad Azahari Bin Harun        | 1504           |
| 8          | Abd Qayyum Abd Jalil              | 1969           |
| 9          | Ammar Izdiyar Bin Zainuddin       | 1944           |

**Laporan  
Tahunan Koperasi  
Kakitangan  
LPPKN (M) Berhad  
Bagi Tempoh  
1 Januari 2020  
Hingga  
31 Disember 2020**

**LAPORAN TAHUNAN KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2020**

**1. MUKADIMAH**

1.1 Terlebih dahulu Anggota Lembaga Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua anggota koperasi dan juga pengurusan koperasi yang telah memberi kerjasama, sokongan dan cadangan yang membina ke arah kemajuan koperasi.

1.2 Dengan kerjasama dan sokongan tersebut kami Anggota Lembaga Koperasi dengan sukacita membentangkan prestasi pencapaian koperasi bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020 yang telah diaudit.

1.3 Koperasi telah beroperasi sebagai sebuah koperasi kredit dan serbaguna dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti mengikut Pematuhan Syariah. Aktiviti Koperasi pada tahun 2020 adalah seperti berikut:

- (a) Memberi pembiayaan Tawaruq kepada anggota koperasi
- (b) Memberi pembiayaan pengguna Murabahah
- (c) Memberi pembiayaan pendidikan/bantuan awal persekolahan dan perayaan
- (d) Memberi pembiayaan umrah/pelancongan
- (e) Perniagaan alat telekomunikasi, perabot dan peralatan letrik
- (f) Perkhidmatan membayar bil telekom, air, astro, prabayar dan lain-lain
- (g) Menjadi agen insuran untuk memberi kemudahan perlindungan secara kelompok kepada anggota koperasi .
- (h) Menjual tshirt, minyak urut dan tuala mamacare
- (i) Menjadi pembekal bekalan dan kontraktor berdaftar dengan Kementerian Kewangan (e-Perolehan) mengandungi 15 pecahan kod bidang iaitu:-

| BIL | KOD    | KETERANGAN                                                |
|-----|--------|-----------------------------------------------------------|
| 1   | 010102 | Bahan Bacaan                                              |
| 2   | 010201 | Kertas                                                    |
| 3   | 010501 | Kamera dan Aksesori                                       |
| 4   | 020403 | Bahan Pencuci dan Pembersihan                             |
| 5   | 020601 | Alatulis (Tidak Termasuk Borang dan Semua Jenis Kertas)   |
| 6   | 020801 | Pakaian                                                   |
| 7   | 020802 | Kelengkapan Pakaian                                       |
| 8   | 030101 | Pakaian Sukan dan Aksesori                                |
| 9   | 030201 | Cenderamata dan Hadiah                                    |
| 10  | 030501 | Peralatan Sukan                                           |
| 11  | 040103 | Makanan Bermasak Islam                                    |
| 12  | 080101 | Kelengkapan/Kemudahan Awam                                |
| 13  | 210201 | Alat Perhubungan                                          |
| 14  | 221510 | Tempat Letak Kereta                                       |
| 15  | 221110 | Khidmat Latihan, Tenaga Pengajar dan Moderator/Negotiator |

## **2. PENGURUSAN KOPERASI:**

Koperasi mempunyai 4 orang kakitangan terdiri daripada :-

- |      |                               |                |
|------|-------------------------------|----------------|
| i.   | Pn. Rahani binti Mat Ail      | - Pengurus     |
| ii.  | Pn. Nadira binti Mohd Zameil  | - Kerani Akaun |
| iii. | Cik. Azfarinaz binti Amran    | - Kerani       |
| iv.  | En. Norhelmi bin Mohamad Jadi | - Kerani       |

## **3. PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2020**

- 3.1 Koperasi telah memperolehi pendapatan sebanyak RM1,036,910.00 sepanjang 2020 manakala perbelanjaan bagi tempoh yang sama adalah sebanyak RM80,474.00. Keuntungan bersih yang telah diperolehi oleh Koperasi bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM523,677.00
- 3.2 Pembelian Saham di Bursa Saham Malaysia / Unit Amanah Dan Taksir Harga
- 3.2.1 Kesemua saham milik Koperasi telah dijual dan masih terdapat baki bernilai RM6,383.00 yang tidak dapat dijual kerana bernilai rendah dan telah terkeluar daripada Bursa Saham Malaysia. Setelah ditolak dengan rosotnilai, harga pasaran saham berkenaan adalah berjumlah RM75.00.
- 3.2.2. Koperasi telah membeli saham (Islamic Redeemable Preference Shares (i-RPS) sebanyak RM500,000.00 dibawah ACE Holding Berhad pada Mei 2018 dan telah mendapat pulangan bagi tahun kedua (2020) pelaburan sebanyak 60,000.00. Pelaburan ini akan diteruskan untuk beberapa tahun akan datang (Jangkaan 5 tahun)
- 3.2.3 Pembelian 2 unit kondominium (Seri Tijanni) telah dibeli pada November 2018. Pembelian berjumlah RM1,120,000.00. Satu unit telah di beli secara tunai sebanyak RM 560,000.00 dan satu unit lagi melalui pembiayaan dari Bank Kerjasama Rakyat berjumlah RM 500,000.00 dan telah disewakan secara kontrak selama 2 tahun (RM 3,200.00/bulan) bermula November 2018 dan Mac 2020. Kontrak akan diteruskan untuk 2 tahun berikutnya dengan kenaikan kadar sewaan 10%.
- 3.3 Perniagaan Pembiayaan Pengguna
- Koperasi telah menyediakan Pembiayaan Pengguna kepada Anggota dengan melantik beberapa syarikat seperti kedai telefon bimbit dan pelbagai barangan pengguna yang lain. Dengan memberikan kemudahan ini, Koperasi telah mendapat keuntungan sebanyak RM7,486.00.

#### **4. PEMILIHAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

- 4.1 Selaras dengan peruntukan Undang-undang Kecil, tiga (3) orang Anggota Lembaga Koperasi yang dipilih ialah seperti berikut:
- i. En. Mohd Azmy Bin Jakomar
  - ii. En. Mohd Firdaus Bin Mazalan
  - iii. Pn. Nor Ashikin Binti Saad

#### **5. MODAL YURAN ANGGOTA**

- 5.1 Modal yuran bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM5,885,548.60 manakala Modal Syer Anggota pada tahun 2020 adalah sebanyak RM99,462.48.
- 5.2 Bilangan anggota pada akhir tahun 2019 ialah 645 orang. Tambahan Anggota baru ialah 38 orang manakala Anggota berhenti dan bersara ialah sebanyak 31 orang.

#### **6. MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

- 6.1 Dalam tahun 2020 Anggota Lembaga Koperasi telah mengadakan mesyuarat biasa sebanyak 12 kali adalah seperti berikut :
- a) Mesyuarat Bulanan Anggota Lembaga Koperasi
1. 29 Januari 2020
  2. 28 Februari 2020
  3. 29 Mac 2020
  4. 29 April 2020
  5. 03 Jun 2020
  6. 01 Julai 2020
  7. 27 Julai 2020
  8. 24 Ogos 2020
  9. 14 September 2020
  10. 26 Oktober 2020
  11. 25 November 2020
  12. 23 Disember 2020

## 6.2 CARTA KEHADIRAN MESYUARAT BULANAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI TAHUN 2020.

| Bil | Nama                                 | Bulan |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |   |
|-----|--------------------------------------|-------|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
|     |                                      | J     | F | M | A | M | J | J | A | S | O | N | D |
| 1.  | En. Ahmad Hashimi Mohammad           | I     | I | I | I | I | I | I | I | I | I | I | I |
| 2.  | Cik Nor'Ashikin binti Abdullah/      | X     | X | X | X | X | X | I | I | I | X | X | X |
| 3.  | En. Mohd Azmy bin Jakomar            | I     | I | I | I | I | I | I | I | I | I | I | I |
| 4.  | Pn. Rinawati Mohamed Nawawi          | I     | I | I | I | I | I | I | I | I | I | I | I |
| 5.  | Pn. Nor Ashikin binti Saad           | I     | I | I | I | I | I | I | I | I | I | I | I |
| 6.  | Pn. Sarida binti Hj Saleh            | I     | I | I | I | I | I | I | I | I | I | I | I |
| 7.  | En. Norhamizan bin Hashim            | I     | I | I | I | I | I | I | I | I | I | I | I |
| 8.  | En. Sy Izman Sy Aziz Al Khadri       | I     | I | X | I | I | I | I | I | I | I | I | I |
| 9.  | En. Mohd Firdaus bin Mazalan         | I     | I | I | I | I | I | I | I | I | I | I | I |
| 10  | En. Salehuddin Bin Ismail (Memangku) |       |   |   |   |   |   |   |   |   | I | I | I |

\* Nota: I Hadir  
X Tak Hadir

## 7. KEMUDAHAN PEMBIAYAAN KEPADA ANGGOTA

- 7.1 Pada tahun 2019 Anggota Lembaga Koperasi telah meluluskan pembiayaan tunai sebanyak RM2,917,245.42 kepada anggota koperasi manakala pembiayaan pengguna yang diluluskan ialah RM251,434.84. Koperasi juga telah meluluskan pembiayaan perayaan/pendidikan sebanyak RM384,400.00, pembiayaan awal persekolahan sebanyak RM32,500.00. Had pembiayaan bagi pinjaman tunai ialah sebanyak RM60,000.00. Pembiayaan yang diluluskan bagi tahun 2019 berbandingan 2018 ialah seperti berikut.

| <u>Jenis Pembiayaan</u>        | <u>2020</u>      | <u>2019</u>      |
|--------------------------------|------------------|------------------|
| Pembiayaan Tunai               | RM 2, 462,769.00 | RM 2, 917,245.42 |
| Pembiayaan Pengguna            | RM 122,109.00    | RM 251,434.84    |
| Pembiayaan Perayaan/Pendidikan | RM 99,080.00     | RM 384,400.00    |
| Pembiayaan Awal Persekolahan   | RM 11,000.00     | RM 32,500.00     |
| Pembiayaan Umrah               | -                | RM 26,240.00     |
|                                | -----            | -----            |
|                                | RM 2,694,958.00  | RM3,611,820.26   |
|                                | -----            | -----            |

## 8. AKTIVITI BIRO – BIRO

### 8.1. Biro Pelaburan

- Membeli, menjual memindah hak milik, menyewa, mencagar, memajak, mengadai dan memiliki harta alih dan harta tak alih;
- Melaburkan wang berlebihan dalam perkara yang dibenarkan menurut Seksyen 54 Akta;
- Menyertai usahasama dan menjadi anggota kepada Koperasi lain;
- Lain-lain pelaburan yang bersesuaian.



## **8.2 Biro Pengguna Pembangunan Perniagaan**

- a) Menjalankan aktiviti peruncitan, pemborongan dan lain-lain aktiviti pengguna koperasi kakitangan LPPKN Malaysia Berhad;
- b) Menjalankan aktiviti pelancongan;
- c) Membekal peralatan MamaCare,
- d) Pembayaran bil-bil dan jualan top-up,
- e) Perlindungan insuran perjalanan.
- f) Menyediakan servis penghantaran dan penerimaan Kurier
- g) Perolehan perkhidmatan dan bekalan untuk LPPKN

## **8.3 Biro Pembangunan Pendidikan Dan Kebajikan**

- a) Mengadakan Bengkel untuk kakitangan dan Ahli Lembaga Koperasi
- b) Menghantar Ahli Lembaga Koperasi untuk menghadiri kursus wajib Koperasi
- c) Menghadiri Mesyuarat Agung ANGKASA
- d) Menghantar kakitangan mengikuti kursus di Maktab Kerjasama Malaysia
- e) Kematian anggota/kakitangan dan keluarga anggota/kakitangan;
- f) Masuk wad hospital (anggota/kakitangan)
- g) Perkahwinan anggota/kakitangan (tuntuan kali pertama);
- h) Anggota/kakitangan yang berada di dalam keadaan kesusahan akibat dari bencana alam yang menyebabkan kerosakan harta benda;
- i) Anggota/kakitangan yang berada dalam kesusahan mengikut budi bicara Lembaga.

*\* Laporan Biro-Biro adalah seperti dilampiran 1*

## **9. SKIM INSURAN BERKELOMPOK**

Koperasi telah menjadi agen untuk beberapa Skim Insuran Berkelompok seperti berikut :-

- i. Great Eastern Life Assurance (M) Berhad (Skim Berkelompok)
- ii. Ace Jerneh Insurance Berhad/CHUBB (Skim Berkelompok)
- iii. Takaful Nasional Berhad

Sehingga kini anggota yang masih mencarum untuk kedua-dua insuran ini seramai 8 orang dengan jumlah potongan RM 227.49 sebulan.

## **10. PENGHARGAAN**

Kejayaan Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Berhad adalah daripada hasil usaha dan kerjasama pelbagai pihak. Anggota Lembaga Koperasi merakamkan setinggi penghargaan kepada:

- \* Ketua Pengarah Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara Malaysia.
- \* Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- \* Anggota Koperasi.
- \* Pengurusan Koperasi.
- \* Juruaudit Dalam

# LAPORAN

# BIRO - BIRO

# 2020

## KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD

### ❖ Biro Pembangunan Pendidikan Dan Kebajikan

- Mengadakan Bengkel untuk kakitangan dan Ahli Lembaga Koperasi;
- Menghantar Ahli Lembaga Koperasi untuk menghadiri kursus wajib Koperasi;
- Menghadiri Mesyuarat Agung ANGKASA;
- Menghantar kakitangan mengikuti kursus di Institut Koperasi Malaysia (IKMa);
- Kematian anggota/kakitangan dan keluarga anggota/kakitangan
- Masuk wad hospital (anggota/kakitangan);
- Perkahwinan anggota/kakitangan (tuntutan kali pertama);
- Anggota/kakitangan yang berada di dalam keadaan kesusahan akibat dari bencana alam yang menyebabkan kerosakan harta benda;
- Anggota/kakitangan yang berada dalam kesusahan mengikut budi bicara Lembaga.

1.1 Jumlah Tuntutan (kadar baru) yang boleh dibuat oleh Ahli adalah seperti berikut:

a. Kematian

i. Sendiri : RM1,000.00

ii. Suami/Isteri/Ibu/Bapa/Anak : RM400.00

b. Masuk Hospital

i. Masuk Wad 3 hari : RM50.00

ii. Masuk Wad 4 hingga 7 hari : RM100.00

iii. Masuk Wad lebih dari 8 hari : RM150.00

c. Perkahwinan (Pertama sahaja) : RM200.00

d. Bencana Alam : RM200.00

## MASUK HOSPITAL (WAD)

| BIL | NAMA                      | TUNTUTAN | BAHAGIAN/NEGERI                 |
|-----|---------------------------|----------|---------------------------------|
| 1   | NUR ATIQA BRANDI          | HOSPITAL | BAHAGIAN REPRODUKSI MANUSIA     |
| 2   | NURHAFIDZAH MUSTAFA       | HOSPITAL | LPPKN PAHANG                    |
| 3   | AZLAN SHAH NAZRUDDIN      | HOSPITAL | LPPKN NEGERI SEMBILAN           |
| 4   | MOHD KAMAL RIZAL MD YUSOF | HOSPITAL | BAHAGIAN KESEJAHTERAAN KELUARGA |

## KEMATIAN

| BIL | NAMA                         | TUNTUTAN       | BAHAGIAN/NEGERI                               |
|-----|------------------------------|----------------|-----------------------------------------------|
| 1   | LYDIA ANAK RENGGI            | KEMATIAN BAPA  | LPPKN SARAWAK                                 |
| 2   | HAFIZAH HASHIM               | KEMATIAN BAPA  | LPPKN NEGERI SEMBILAN                         |
| 3   | SHARUSSA OTHMAN              | KEMATIAN BAPA  | LPPKN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR        |
| 4   | NUR HAFIZAH MUSTAFA          | KEMATIAN BAPA  | LPPKN PAHANG                                  |
| 5   | ASMAH AHMAD                  | KEMATIAN BAPA  | LPPKN PAHANG                                  |
| 6   | AZLAN AHMAD                  | KEMATIAN BAPA  | LPPKN JOHOR                                   |
| 7   | MOHD SHAHRON DOLLAH          | KEMATIAN BAPA  | BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN                   |
| 8   | NOR IZZATI JASMI             | KEMATIAN BAPA  | BAHAGIAN REPRODUKSI MANUSIA                   |
| 9   | MOHAMMAD NOOR FAIZ HASHIM    | KEMATIAN IBU   | BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN                   |
| 10  | MOHD MUSLIM IBRAHIM          | KEMATIAN IBU   | BAHAGIAN KESEJAHTERAAN KELUARGA               |
| 11  | SITI NOOR AZIZAH ABDUL HAMID | KEMATIAN IBU   | BAHAGIAN PENYELIDIKAN KEPENDUDUKAN & KELUARGA |
| 12  | RATIFAH MOHD BAKI            | KEMATIAN IBU   | LPPKN NEGERI SEMBILAN                         |
| 13  | NOR AZILAH ABDUL RASHID      | KEMATIAN SUAMI | LPPKN PERAK                                   |
| 14  | KHAIRUN NISA MOHD SAID       | KEMATIAN SUAMI | LPPKN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR        |

## PERKAWINAN

| BIL | NAMA            | TUNTUTAN    | BAHAGIAN/NEGERI                        |
|-----|-----------------|-------------|----------------------------------------|
| 1   | VERONICA THOMAS | PERKAHWINAN | LPPKN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR |

## 1. KEAHLIAN

| BIL | PERKARA                         | JUMLAH |
|-----|---------------------------------|--------|
| 1   | AHLI BARU                       | 31     |
| 2   | AHLI BERHENTI - BERSARA         | 13     |
| 3   | AHLI BERHENTI - LAIN-LAIN SEBAB | 7      |

\* JUMLAH BILANGAN KEAHLIAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2020 ADALAH SERAMAI 656 ORANG

# LAPORAN BIRO PERNIAGAAN KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD BAGI TAHUN 2020

| BIL                            | PERKARA               | JUALAN (RM) | KOS JUALAN (RM) |
|--------------------------------|-----------------------|-------------|-----------------|
| <b>PERKHIDMATAN PRA BAYAR</b>  |                       |             |                 |
| 1                              | KOMISYEN JUALAN TOPUP | 56.76       |                 |
| <b>PERKHIDMATAN POS/KURIER</b> |                       |             |                 |
| 1                              | CAJ POS / KURIER      | 568.00      |                 |
| <b>JUALAN PRODUK</b>           |                       |             |                 |
| 1                              | BARANGAN RUNCIT       | 420.24      |                 |
| <b>KOS JUALAN</b>              |                       |             |                 |
| 1                              | STOK AWAL             | 3,554.00    |                 |
| 2                              | BELIAN                | 7,428.00    |                 |
| 3                              | STOK AKHIR            | (1,970.00)  |                 |
|                                | JUMLAH KOS JUALAN     | 9,012.00    |                 |
|                                | UNTUNG KASAR          | (7,967.00)  |                 |

Nota: Produk Julian Mamacare hanya ditumpukan pada stock yang sedia ada

LAPORAN BIRO PELABURAN

SENARAI PELABURAN MELALUI HARTANAHKOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD SEHINGGA DISEMBER 2020


| BIL | JENIS ASET                                                                           | TAHUN BELIAN | KOS BELIAN (RM) | SEWAAN SECARA KONTRAK MELALUI AGEN SECARA 2+2+1 TAHUN SEHINGGA 10 TAHUN MAKSIMUM | HARGA UNIT SEMASA | CATATAN                                 |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------|--------------|-----------------|----------------------------------------------------------------------------------|-------------------|-----------------------------------------|
| 1   | Kondominium Unit 15-2, Sri Tijanni, Sg. Buloh.                                       | 2018-2019    | RM 560K         | RM3200/ BULAN                                                                    | -                 | Sewaan telah bermula pada November 2018 |
| 2   | Kondominium Unit 13-A9, Sri Tijanni, Sg. Buloh.                                      | 2019-2020    | RM 560K         | RM3200/ BULAN                                                                    | -                 | Sewaan telah bermula pada Mac 2020      |
| 3   | Kondominium Unit 13-02, Armani SOHO, Damansara, Selangor                             | 2020         | RM 420K         | MASIH DALAM PROSES PEMBINAAN, DIJANGKA SIAP 2022                                 | -                 | -                                       |
| 4   | 1 1/2 Storey Terrace Factory Taman Saujana Indah Section U3 40150 Shah Alam Selangor | 1995         | RM 395K         |                                                                                  |                   | Telah Di Jual                           |

Pelaburan Saham

Pelaburan saham ke atas ACE Holding Bhd. melalui pelaburan ACE RPS bermula 2018 dikekalkan. Saham ini kekal dengan modal pelaburan minima berjumlah RM500, 000.00. Kadar keuntungan tahunan tetap sebanyak RM60,000.00/tahun (12%) bagi tempoh 5 tahun dan dibayar secara berkala. Amanahraya Trustees Sdn Bhd adalah yang dilantik sebagai pemegang amanah pelaburan ini.



KONDOMINIUM SERI TIJANI



# Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman



**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN  
KEPADA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

Rujukan Kami : KOOP/LPPKN/5/7

Tarikh : 23 April 2021

Pengerusi dan Anggota Lembaga  
Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Bhd  
Tingkat 9, No. 12B, Bangunan LPPKN  
Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur

Tuan,

**LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI TEMPOH SEHINGGA  
DISEMBER 2020**

Bahawa kami anggota Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi Kakitangan LPPKN (M) Bhd., mengikut Undang-Undang Kecil 55(1)(2), mengemukakan laporan kepada pihak tuan hasil daripada pengauditan dalaman yang telah dijalankan bagi tempoh sehingga Disember 2020.

**2. Skop Audit**

Keseluruhan rekod-rekod mengenai pengurusan kewangan, hal-hal berkaitan penerimaan, perbelanjaan, pengurusan aktiviti dan urus tadbir Koperasi dalam Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020.

**3. Penemuan Audit**

**3.1 Pengurusan Penerimaan Tunai dan Buku Tunai  
Rujukan fail Baucer September - Disember 2020**

Penemuan

- (a) No. Baucer 350/12/2020 dan No. Baucer 347/12/2020: tiada cop/mohor Koperasi pada borang Bon Jaminan.
- (b) No. Baucer 344/12/2020: tiada tandatangan Pengerusi/Bendahari.

Cadangan

- Dokumen yang sepatutnya ditandatangani hendaklah dilengkapi sewajarnya. Manakala bagi dokumen yang memerlukan cop/mohor ianya perlu dilengkapi dan sekiranya tiada keperluan untuk cop/mohor Koperasi maka tidak perlu dimasukkan/diadakan pada borang tersebut.

### **3.2 Bayaran Rujukan Buku Cek Maybank**

#### Penemuan

- (a) Serial No. 434501 – 43450: didapati 7 cek rosak/batal.
- (b) Serial No. 434551 – 434600: didapati 4 cek rosak/batal.
- (c) Serial No. 434601 – 434650: didapati 3 cek rosak/batal.
- (d) Buku cek tidak disimpan sewajarnya: semasa pihak kami (Juruaudit Dalam) ingin membuat semakan pihak kakitangan Koperasi memaklumkan buku cek tidak dijumpa/ tidak pasti di mana ia disimpan.

#### Cadangan

- Perlu berhati-hati menulis maklumat pada cek supaya tidak berlaku pembaziran cek (cek tidak boleh digunakan kerana rosak/batal).
- Buku cek hendaklah disimpan sewajarnya.

### **3.3 Kandungan Dokumen Fail Bercampur Pelbagai Perkara Rujukan fail: (September – Disember 2020)**

#### Penemuan

#### Dokumen Fail/ Sistem Fail (Teguran Berulang – telah dilaporkan semasa audit tahun 2019)

- (a) Terdapat kandungan dokumen dalam fail yang bercampur dengan pelbagai perkara dan urusan.
- (b) Kakitangan Koperasi memaklumkan bahawa kandungan dokumen memang bercampur kerana ia merupakan fail baucer tetapi dokumen mengikut kategori ada dalam komputer.

#### Cadangan

- Perlu wujudkan juga dokumen/fail untuk pengurusan pinjaman anggota dan sekiranya disimpan dalam komputer perlu ada backup.

### 3.4 Pengurusan dan Pentadbiran

#### Penemuan

- (a) Hasil pemeriksaan kami, semua perkara berkaitan pengurusan seperti urusan cuti pekerja, program/aktiviti koperasi, pinjaman, pengurusan sewa rumah, mesyuarat-mesyuarat Lembaga Koperasi adalah di tahap baik serta bertindak sebagaimana keputusan mesyuarat Lembaga Koperasi dan peruntukan UUK. Walau bagaimanapun, didapati beberapa perkara berikut:
  - (i) Kandungan fail yang terlalu banyak hingga ada dokumen yang terkoyak.
  - (ii) Pengkhususan tugas bagi setiap kakitangan Koperasi.

#### Cadangan

- Disyorkan Pengurusan Koperasi membuat penggantian bagi memastikan pengurusan Koperasi berjalan lancar sekiranya terdapat kakitangan yang akan/telah bersara atau berhenti kerja.
  - Kakitangan Koperasi juga digalakkan meningkatkan kompetensi supaya tugas dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan sistematik.
4. Diharap perkara-perkara yang dibangkitkan di atas dapat diberi perhatian dan tindakan sewajarnya oleh pihak tuan. Atas kerjasama yang telah diberikan, diucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.



(NOR AZIAH BINTI MOHAMED MAHAYUDIN)  
Jawatankuasa Audit Dalaman



(NOOR HAFIZA BINTI IBRAHIM)  
Jawatankuasa Audit Dalaman

# Penyata Kewangan Bagi Tahun 2020

**KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK  
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD (4697)  
(Didaftarkan di Malaysia)**

**Laporan Berkanun Lembaga Berserta Penyata Kewangan Beraudit  
31 Disember 2020**

KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK  
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD (4697)  
(Didaftarkan di Malaysia)

KANDUNGAN

|                                      | Muka Surat |
|--------------------------------------|------------|
| Laporan berkanun lembaga             | 1 - 4      |
| Laporan juruaudit bebas              | 5 - 8      |
| Kunci kira-kira                      | 9 - 10     |
| Akaun pembahagian keuntungan         | 11         |
| Akaun untung rugi                    | 12 - 13    |
| Penyata aliran tunai                 | 14 - 15    |
| Nota-nota berkenaan penyata kewangan | 16 - 36    |

KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK  
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD (4697)  
(Didaftarkan di Malaysia)

**Laporan Berkanun Lembaga**  
Menurut Seksyen 59 Akta Koperasi, 1993

Lembaga dengan ini membentangkan laporan dan penyata kewangan Koperasi yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020.

**Kegiatan utama**

Kegiatan utama Koperasi adalah pembiayaan kepada anggota-anggota Koperasi, memberi pinjaman pengguna, khas perayaan atau pendidikan dan umrah, kedai runcit, menyewakan kedai, permit, tapak, teksi dan menguruskan skim perlindungan takaful.

Tiada perubahan yang ketara dalam kegiatan-kegiatan utama tersebut di sepanjang tahun kewangan ini.

**Hasil kendalian**

RM

Keuntungan bersih dalam tahun

523,677

Pada pendapat Lembaga, hasil kendalian Koperasi sepanjang tahun kewangan tidak terjejas secara material oleh sebarang perkara yang abnormal sifatnya.

**Dividen dan dividen syer**

Lembaga mencadangkan dividen modal yuran dan dividen syer berikut bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 untuk mendapat kelulusan anggota-anggota Koperasi di mesyuarat agung tahunan yang akan datang :

2020  
RM

Peruntukan dividen modal yuran dan dividen syer tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 :

Dividen modal yuran disyorkan sebanyak 5.5% ke atas modal yuran anggota pada 30 Jun 2020 setelah ditolak pengeluaran dari 1 Julai 2020 sehingga 31 Disember 2020 menurut Undang-Undang Kecil 66 Koperasi 316,826

Dividen syer disyorkan sebanyak 10% ke atas modal syer anggota pada 30 Jun 2020 setelah ditolak pengeluaran dari 1 Julai 2020 sehingga 31 Disember 2020 menurut Undang-Undang Kecil 66 Koperasi 11,100

Penyata kewangan bagi tahun kewangan semasa telah mengambilkira cadangan dividen modal yuran dan dividen syer tersebut walaupun ianya akan dicadangkan untuk mendapat kelulusan para anggota Koperasi di dalam mesyuarat agung tahunan yang akan datang.

**Rizab dan peruntukan**

Tiada pindahan penting kepada atau dari rizab dan peruntukan dalam tahun kewangan selain daripada yang dinyatakan di dalam laporan berkanun lembaga dan penyata kewangan.

KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK  
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD (4697)  
(Didaftarkan di Malaysia)

Laporan Berkanun Lembaga  
Menurut Seksyen 59 Akta Koperasi, 1993

**Anggota lembaga Koperasi**

Anggota-anggota lembaga yang berkhidmat sepanjang tahun kewangan sehingga tarikh laporan ini dibuat adalah seperti berikut :

|                                    |                   |                                          |
|------------------------------------|-------------------|------------------------------------------|
| Ahmad Hashimi bin Mohammad         | - Pengerusi       |                                          |
| Mohd Azmy bin Jakomar              | - Setiausaha      |                                          |
| Nor' Ashikin binti Abdullah        | - Bendahari       | (Meletak jawatan pada 26 September 2020) |
| Sarida binti Hj. Saleh             | - Bendahari       |                                          |
| Nor Ashikin binti Saad             | - Anggota Lembaga |                                          |
| Rinawati binti Mohamed Nawawi      | - Anggota Lembaga |                                          |
| Syed Izman bin Syed Aziz Al Khadri | - Anggota Lembaga |                                          |
| Norhamizan bin Hashim              | - Anggota Lembaga |                                          |
| Mohd Firdaus bin Mazalan           | - Anggota Lembaga |                                          |
| Sallehuddin bin Ismail             | - Anggota Lembaga | (Dilantik pada 1 Oktober 2020)           |

**Manfaat lembaga**

Sepanjang dan pada akhir tahun kewangan, Koperasi tidak menjadi pihak kepada sebarang persetujuan yang matlamatnya ialah untuk membolehkan para anggota lembaga mendapat manfaat melalui perolehan syer atau debentur di dalam Koperasi atau sebarang badan korporat. Sejak akhir tahun kewangan yang lepas, tiada anggota lembaga yang telah menerima atau berhak menerima manfaat (selain daripada manfaat yang termasuk dalam jumlah ganjaran diterima atau akan diterima oleh anggota lembaga yang dinyatakan di dalam penyata kewangan), akibat daripada sebarang kontrak yang dibuat oleh Koperasi dengan anggota lembaga atau dengan firma di mana dia adalah ahli, atau dengan syarikat di mana dia mempunyai kepentingan yang nyata.

**Cadangan honorarium kepada anggota lembaga**

Honorarium kepada anggota lembaga sebanyak RM16,000 bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 telah diperuntukkan dan ianya adalah tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Koperasi Malaysia seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 57(5)(c) Akta Koperasi 1993.

**Lain-lain maklumat berkanun**

Menurut kehendak Akta Koperasi 1993 dan pindaan yang dibuat selepasnya, Lembaga telah mengambil langkah-langkah yang berpatutan bagi menentukan bahawa :

- tiada hutang lapuk yang diketahui untuk dihapuskira dan tiada peruntukan yang perlu dibuat ke atas hutang ragu; dan
- kesemua aset semasa telah dinyatakan pada kos atau nilai jualan bersih, yang mana lebih rendah.



KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK  
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD (4697)  
(Didaftarkan di Malaysia)

**Laporan Berkanun Lembaga**  
Menurut Seksyen 59 Akta Koperasi, 1993

Pada tarikh laporan ini, lembaga tidak mengetahui sebarang keadaan :

- (a) yang boleh menyebabkan penghapuskiraan hutang lapuk atau peruntukan bagi hutang ragu yang perlu dibuat; atau
- (b) yang boleh menyebabkan nilai aset-aset semasa Koperasi mengelirukan; atau
- (c) yang timbul dan menyebabkan keadaan penilaian aset dan tanggungan Koperasi mengelirukan atau tidak sesuai; atau
- (d) selain daripada yang telah dinyatakan dalam laporan atau penyata kewangan yang dilampirkan, yang boleh menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam penyata kewangan Koperasi mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini, tidak wujud :

- (a) sebarang cagaran ke atas aset-aset Koperasi yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan ini yang menjadi sandaran kepada tanggungan pihak lain; atau
- (b) sebarang tanggungan luar jangka bagi Koperasi yang telah timbul sejak akhir tahun kewangan.

Tiada tanggungan luar jangka atau tanggungan-tanggungan lain yang telah berkuatkuasa atau berkemungkinan akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas akhir tahun kewangan ini yang, pada pendapat Anggota Lembaga, akan atau mungkin menjejaskan keupayaan Koperasi untuk menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya kelak.

Kami bagi pihak Anggota Lembaga, mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan seperti yang dikehendaki oleh Seksyen 59(3) Akta Koperasi, 1993.

**Juruaudit**

Saifudin & Co., telah menyatakan kesanggupan mereka untuk menerima perantikan semula di mesyuarat agung perwakilan tahunan yang akan datang.

Bagi pihak Anggota Lembaga

  
AHMAD HASHIMI BIN MOHAMMAD  
Pengerusi

  
MOHD AZMY BIN JAKOMAR  
Setiausaha

  
SARIDA BINTI HJ. SALEH  
Bendahari

Kuala Lumpur.

Tarikh : 28 JUN 2021

KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK  
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD (4697)  
(Didaftarkan di Malaysia)

**Laporan Berkanun Lembaga**  
Menurut Seksyen 59 Akta Koperasi, 1993

Kami, Ahmad Hashimi bin Mohammad, Mohd Azmy bin Jakomar dan Sarida binti Hj. Saleh, sebagai Anggota Lembaga Koperasi dengan ini menyatakan bahawa menurut pendapat para lembaga, penyata kewangan yang disertakan dalam halaman 9 ke 36 disusun sesuai dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan kehendak Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi (Pindaan) 2020 untuk memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan mereka dan aliran tunai untuk tahun berakhir tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Anggota Lembaga sesuai dengan kehendak Seksyen 63 Akta Koperasi 1993.



AHMAD HASHIMI BIN MOHAMMAD  
Pengerusi



MOHD AZMY BIN JAKOMAR  
Setiausaha



SARIDA BINTI HJ. SALEH  
Bendahari

Kuala Lumpur

Tarikh : 28 JUN 2021

#### Laporan Juruaudit Bebas

Kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Dan Anggota-Anggota Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk  
Dan Pembangunan Keluarga Negara (Malaysia) Berhad (4697)  
(Didaftarkan di Malaysia)

#### Laporan audit mengenal penyata kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan KOPERASI KAKITANGAN LPPKN (M) BERHAD ("Koperasi") yang merangkumi kunci kira-kira pada 31 Disember 2020, akaun pembahagian keuntungan, akaun untung rugi dan penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut, serta ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan nota-nota lain, seperti yang dibentangkan pada muka surat 9 hingga 36.

Pada pendapat kami, penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Koperasi pada 31 Disember 2020 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir tersebut selaras menurut peruntukan Akta Koperasi 1993, Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) dan Garis Panduan Penyeragaman Bentuk Penyata Kewangan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 di Malaysia.

#### Asas pendapat

Kami telah menjalankan audit kami menurut Piawaian Pengauditan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa yang diluluskan. Tanggungjawab kami di bawah Piawaian tersebut dijelaskan dengan lanjut dalam bahagian *tanggungjawab juruaudit ke atas audit penyata kewangan* laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan bersesuaian untuk memberi asas bagi pendapat kami.

#### Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami bebas dari Koperasi sejajar dengan *Undang-undang kecil* (atas *Profesional Etika, Kelakuan dan Amalan*) Institusi Akauntan Malaysia ("Undang-Undang kecil") dan Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa bagi Akauntan Professional ("Kod IESBA"), dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika yang lain selaras dengan undang-undang kecil dan kod IESBA.

#### Maklumat selain daripada penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab ke atas maklumat-maklumat yang lain. Maklumat lain adalah merangkumi Laporan anggota lembaga, tetapi tidak termasuk penyata kewangan dan laporan juruaudit yang dilampirkan.

Pendapat kami mengenai penyata kewangan Koperasi tidak meliputi laporan anggota lembaga dan kami tidak mendedahkan apa-apa bentuk jaminan dan kesimpulan mengenainya.



**Laporan Juruaudit Bebas (Sambungan)**

Kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Dan Anggota-Anggota Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk  
Dan Pembangunan Keluarga Negara (Malaysia) Berhad (4697)  
(Didaftarkan di Malaysia)

Berhubung dengan audit kami terhadap penyata kewangan Koperasi, tanggungjawab kami adalah untuk meneliti laporan anggota lembaga dan dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada laporan anggota lembaga tidak selaras secara material dengan penyata kewangan Koperasi atau pengetahuan diperolehi dalam audit atau sebaliknya dinyatakan secara material.

Jika berdasarkan kerja-kerja yang kami jalankan, kami menyimpulkan bahawa sekiranya ada salah nyata yang material daripada laporan anggota lembaga, kami dikehendaki melaporkan fakta tersebut. Kami tiada apa-apa untuk dilaporkan dalam hal ini.

**Tanggungjawab anggota lembaga ke atas penyata kewangan**

Anggota Lembaga Koperasi bertanggungjawab ke atas penyediaan penyata kewangan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan peruntukan Akta Koperasi 1993, Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia dan Garis Panduan Penyeragaman Bentuk Penyata Kewangan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia di bawah Akta Koperasi 1993 di Malaysia. Anggota Lembaga Koperasi juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang mana anggota lembaga yang menentukan samada penyediaan penyata kewangan adalah bebas daripada salah nyata yang material disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan Koperasi, anggota lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan melainkan anggota lembaga sama ada berniat untuk membubarkan Koperasi atau berhenti operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

**Tanggungjawab Juruaudit ke atas audit penyata kewangan**

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada atau tidak penyata kewangan Koperasi secara keseluruhan adalah bebas daripada salah nyata yang material sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah jaminan tahap yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit dijalankan mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia akan sentiasa mengesan salah nyata yang material apabila ia wujud. Salah nyata boleh berlaku akibat daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap memberi kesan material jika, secara individu atau dalam agregat, ianya dapat dijangkakan secara munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi diambil oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit mengikut Piawaian Pengauditan yang diluluskan di Malaysia, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga :

- Mengetahui dan menilai risiko salah nyata yang material ke atas penyata kewangan, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, merancang dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas yang munasabah untuk pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang material yang terhasil daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

**Laporan Juruaudit Bebas (Sambungan)**  
**Kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia**  
**Dan Anggota-Anggota Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk**  
**Dan Pembangunan Keluarga Negara (Malaysia) Berhad (4697)**  
**(Didaftarkan di Malaysia)**

- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Koperasi.
- Menilai kesualan dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh pihak pengurusan.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidaktentuan material wujud yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang material ke atas keupayaan Koperasi untuk terus sebagai satu usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidaktentuan material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami ke atas pendedahan berkaitan dalam penyata kewangan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan pada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan Juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Koperasi berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.
- Menilai keseluruhan penyampaian, struktur dan kandungan dalam penyata kewangan Koperasi, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan Koperasi mewakili asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa dalam cara yang mencapai pembentangan yang saksama.

Kami berkomunikasi dengan anggota lembaga, antara perkara lain, berkenaan skop dan masa audit yang telah dirancang dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang material dalam kawalan dalaman yang kami mengenal pasti pengauditan kami.

**Laporan mengenai keperluan perundangan dan badan pengawasan lain**

Mengikut keperluan dalam Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan perkara berikut :

- (a) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain yang berkenaan telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta tersebut;
- (b) penerimaan, perbelanjaan, pelaburan wang dan juga pembelian dan pelupusan aset-aset oleh Koperasi dalam tahun berakhir 31 Disember 2020 adalah mengikut Akta tersebut, Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 di Malaysia dan juga Peraturan-Peraturan dan Undang-undang Kecil Koperasi; dan
- (c) kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti adalah munasabah berdasarkan dasar-dasar perakaunan.

Laporan Juruaudit Bebas (Sambungan)  
Kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Dan Anggota-Anggota Koperasi Kakitangan Lembaga Penduduk  
Dan Pembangunan Keluarga Negara (Malaysia) Berhad (4697)  
(Didaftarkan di Malaysia)

**Hal-hal lain**

Laporan ini hanya disediakan untuk Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan anggota-anggota Koperasi, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukannya untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada pihak lain tentang kandungan laporan ini.



Saifudin & Co.  
AF 1451  
Akauntan Bertauliah



Ahmad Saifudin bin Abdullah  
No. SKM (B) 0207  
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur

Tarikh : 28 JUN 2021



KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK  
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD (4697)  
(Didaftarkan di Malaysia)

Kunci Kira-Kira  
Pada 31 Disember 2020

|                                        | Nota | 2020<br>RM        | 2019<br>RM        |
|----------------------------------------|------|-------------------|-------------------|
| <b>Aset bukan semasa</b>               |      |                   |                   |
| Loji dan peralatan                     | 4    | 71,277            | 36,299            |
| Pelaburan hartanah                     | 5    | 1,390,354         | 1,807,509         |
| Pelaburan syer taksir harga            | 6    | 659,353           | 659,353           |
| Pinjaman anggota                       | 7    | 6,346,783         | 6,346,783         |
|                                        |      | <b>8,467,767</b>  | <b>8,849,944</b>  |
| <b>Aset semasa</b>                     |      |                   |                   |
| Pelaburan syer siar harga              | 6    | 52                | 52                |
| Pinjaman anggota                       | 7    | 855,751           | 1,270,247         |
| Inventori                              | 8    | 1,970             | 3,554             |
| Pelbagai penghutang                    | 9    | 113,417           | 110,994           |
| Tunai dan kesetaraan tunai             | 10   | 2,485,874         | 1,656,246         |
|                                        |      | <b>3,457,064</b>  | <b>3,041,093</b>  |
| <b>Jumlah aset</b>                     |      | <b>11,924,831</b> | <b>11,891,037</b> |
| <b>Dibayar oleh :</b>                  |      |                   |                   |
| Modal syer anggota                     | 11   | 114,962           | 99,462            |
| Modal yuran anggota                    | 12   | 6,102,168         | 5,885,549         |
| Akaun rizab modal                      | 13   | 9,692             | 9,692             |
| Akaun rizab penilaian semula           | 14   | 404,900           | 404,900           |
| Kumpulan wang penebus syer bonus       | 15   | 10,000            | 10,000            |
| Lain-lain kumpulan wang/tabung anggota | 16   | 491,969           | 468,999           |
| Keuntungan terkumpul                   | 17   | 310,884           | 234,814           |
|                                        |      | <b>7,444,575</b>  | <b>7,113,416</b>  |
| <b>Liabiliti bukan semasa</b>          |      |                   |                   |
| Kumpulan wang rizab statutori          | 18   | 979,146           | 916,305           |
| Pinjaman                               | 19   | 2,455,137         | 2,880,219         |
|                                        |      | <b>3,434,283</b>  | <b>3,796,524</b>  |

KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK  
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD (4697)  
(Didaftarkan di Malaysia)

|                                           | Nota | 2020<br>RM        | 2019<br>RM        |
|-------------------------------------------|------|-------------------|-------------------|
| <b>Liabiliti semasa</b>                   |      |                   |                   |
| Pinjaman                                  | 19   | 453,038           | 433,223           |
| Kumpulan wang amanah pendidikan Koperasi  | 20   | 10,474            | 7,991             |
| Kumpulan wang amanah pembangunan Koperasi | 21   | 5,237             | 3,995             |
| Dividen dicadangkan                       | 22   | 495,443           | 429,326           |
| Honorarium                                | 23   | 16,000            | 12,000            |
| Pelbagai pemiutang                        | 24   | 65,781            | 94,562            |
|                                           |      | <b>1,045,973</b>  | <b>981,097</b>    |
| <b>Jumlah ekuiti dan liabiliti</b>        |      | <b>11,924,831</b> | <b>11,891,037</b> |



KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK  
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD (4697)  
(Didaftarkan di Malaysia)

Akaun Pembahagian Keuntungan  
Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020

|                                                           | Nota | 2020<br>RM | 2019<br>RM |
|-----------------------------------------------------------|------|------------|------------|
| Keuntungan bersih bagi tahun semasa                       |      | 523,677    | 391,453    |
| <b>Pembahagian berkanun</b>                               |      |            |            |
| Kumpulan wang rizab statutori 12% (2019 : 12%)            | 18   | 62,841     | 47,945     |
| Kumpulan wang amanah pendidikan Koperasi 2% (2019 : 2%)   | 20   | 10,474     | 7,991      |
| Kumpulan wang amanah pembangunan Koperasi 1% (2019 : 1%)  | 21   | 5,237      | 3,995      |
|                                                           |      | 78,552     | 59,931     |
| Keuntungan selepas pembahagian berkanun dan sebelum cukai |      | 445,125    | 331,522    |
| Peruntukan cukai                                          | 24   | 5,500      | -          |
| Peruntukan zakat                                          | 24   | 10,543     | -          |
| Keuntungan yang boleh dibagikan                           |      | 429,082    | 331,522    |
| <b>Pembahagian yang dikadangkan</b>                       |      |            |            |
| Dividen atas modal syer anggota 10% (2019 : 10%)          | 22   | 11,100     | 10,041     |
| Dividen atas modal yuran anggota 5.5% (2019 : 5%)         | 22   | 316,826    | 295,784    |
| Honorarium anggota lembaga Koperasi                       | 23   | 16,000     | 12,000     |
|                                                           |      | 343,926    | 317,825    |
| Baki keuntungan yang belum diagihkan                      |      | 85,156     | 13,697     |
| <b>Pelarasan bukan operasi</b>                            |      |            |            |
| Honorarium berkurang peruntukan                           |      | (1,000)    | (2,000)    |
| Zakat berkurang peruntukan                                |      | (8,086)    | -          |
|                                                           |      | (9,086)    | (2,000)    |
| Baki keuntungan selepas pelarasan bukan operasi           |      | 76,070     | 11,697     |
| Keuntungan terkumpul pada awal tahun                      |      | 234,814    | 223,117    |
| Keuntungan terkumpul pada akhir tahun                     |      | 310,884    | 234,814    |

KOPERASI KAKITANGAN LEMBAGA PENDUDUK  
DAN PEMBANGUNAN KELUARGA NEGARA (MALAYSIA) BERHAD (4697)  
(Didaftarkan di Malaysia)

**Akaun Untung Rugi**

Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2020

|                                                | Nota | 2020<br>RM       | 2019<br>RM     |
|------------------------------------------------|------|------------------|----------------|
